



SOALAN-SOALAN LAZIM

PERMOHONAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT SYARIKAT

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), bagaimana syarikat saya boleh mematuhi tempoh masa yang ditetapkan di bawah seksyen 141 Akta Syarikat 2016 (AS 2016)?	Dalam tempoh PKP, syarikat yang ingin membuat serah simpan di bawah seksyen 141 AS 2016, boleh terus menghantar emel ke queryexpress@ssm.com.my .
2.	Berapa lamakah tempoh bagi serahan melalui emel akan dikuatkuasakan dan sehingga bila?	Penggunaan emel bagi tujuan serah simpan di bawah seksyen 141 AS 2016 adalah hanya terpakai semasa tempoh PKP sahaja.
3.	Jika permohonan <i>Reassignment of Company Secretary</i> (RAC) saya telah melebihi tempoh 14 hari disebabkan oleh tempoh PKP, adakah saya boleh menggunakan aplikasi yang sama untuk membuat permohonan di bawah seksyen 58 AS 2016?	Bagi permohonan yang melebihi tempoh 14 hari disebabkan oleh sistem MyCoID ditutup, ianya akan dipanjangkan tempoh mengikut jumlah hari yang terkesan. Jika permohonan RAC telah melebihi tempoh tersebut, pihak tuan hendaklah membuat permohonan baharu bagi tujuan yang sama.
4.	Adakah tempoh 14 hari selepas kelulusan bagi permohonan RAC juga dilanjutkan disebabkan oleh sistem MyCoID tidak beroperasi?	Ya. Tempoh kelulusan RAC juga dilanjutkan mengikut jumlah hari yang terkesan akibat daripada sistem MyCoID tidak beroperasi.
5.	Adakah fi lewat serah simpan akan dikenakan dalam tempoh PKP?	SSM telah memberikan moratorium 30 hari selepas tempoh PKP dan fi lewat serah simpan dikecualikan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh SSM dalam tempoh PKP?	SSM hanya menawarkan perkhidmatan atas talian sahaja sepanjang tempoh PKP iaitu perkhidmatan MyCoID, EZBIZ online dan MyLLP. Pengaktifan perkhidmatan lain akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
7.	Adakah syarikat perlu membuat permohonan di bawah seksyen 609 AS 2016 bagi mendapatkan tempoh 30 hari tersebut bagi mengelakan paneliti lewat dikenakan?	Syarikat tidak perlu membuat permohonan di bawah seksyen 609 AS 2016 bagi tujuan ini.
8.	Bagi perubahan maklumat yang melibatkan keperluan resolusi pengarah, adakah sebarang pengecualian diberikan untuk tempoh PKP kerana tandatangan pengarah sukar diperolehi?	Permohonan yang dibuat hendaklah disertakan dengan dokumen yang lengkap termasuk resolusi. <i>Lodger</i> hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap maklumat yang dikemaskini di dalam sistem MyCoID2016.
9.	Bagaimanakah serahan dokumen berkaitan menerusi serahan kaunter perlu dibuat? Contohnya seperti keperluan di bawah seksyen 76 AS 2016 sebelum notifikasi <i>Return Of Allotment</i> (ROA) yang perlu dimajukan menerusi serahan kaunter.	Bagi dokumen yang berkaitan yang perlu dihantar menerusi serahan kaunter, ia tidak boleh dihantar dalam tempoh PKP memandangkan perkhidmatan kaunter SSM masih ditutup. Serah simpan notifikasi tersebut boleh dibuat selepas perkhidmatan kaunter kembali beroperasi.
10.	Adakah mesyuarat secara dalam talian boleh diterima dan seterusnya resolusi dimajukan kepada SSM sebagai dokumen sokongan?	<p>Mesyuarat dalam talian dibenarkan di bawah peruntukan Seksyen 327 AS 2016 dan dipraktikkan dalam kaedah berikut:</p> <p>Mesyuarat dalam talian</p> <p>(a) Syarikat perlu mematuhi sepenuhnya peruntukan Seksyen 327 AS 2016 bagi memastikan</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>semua anggota syarikat mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut termasuk hak untuk bersuara dan mengundi.</p> <p>(b) Proses dan prosedur yang jelas perlu diadakan di peringkat syarikat bagi memastikan sistem tadbir urus yang baik termasuk rekod yang menunjukkan siapa yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut termasuk persetujuan ke atas resolusi yang dibentangkan.</p>
11.	Adakah tandatangan secara digital diterima?	<p>Tandatangan digital</p> <p>(a) SSM berpandangan bahawa perkara ini perlu diputuskan oleh syarikat termasuk memastikan teknologi yang bersesuaian serta pematuhan terhadap peruntukan undang-undang yang berkaitan, sekiranya perlu.</p> <p>(b) Setiausaha syarikat/ penyerah simpan bertanggungjawab sepenuhnya dan perlu mengemukakan bukti-bukti tersebut apabila diperlukan oleh Pendaftar.</p>

Tarikh: 29 April 2020